



MELAKA PERINTIS KAMPUNG DIGITAL

Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah progresif dalam memodenkan komuniti luar bandar menerusi pelaksanaan **Inisiatif Kampung Digital** yang bermula pada 7 April 2023. Usaha ini selari dengan matlamat kerajaan untuk memperkasa penduduk kampung melalui kemajuan sosial, ekonomi dan teknologi. Inisiatif ini turut memberi penyelesaian kepada isu ketiadaan alamat rumah yang jelas dan tersusun, sekaligus memudahkan urusan pentadbiran, penghantaran, serta pelbagai perkhidmatan berkaitan. Melaluinya, setiap premis di kampung akan dilengkapi dengan kod QR unik yang mengandungi maklumat penting seperti alamat penuh, nombor lot, nama mukim dan pautan lokasi, semuanya boleh diakses hanya dengan satu imbasan.



Penglibatan Agensi dalam Pelaksanaan Inisiatif Kampung Digital

Pelaksanaan inisiatif Kampung Digital di Negeri Melaka merupakan usaha bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan di bawah penyelarasan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka. Setiap agensi memainkan peranan khusus bagi memastikan pelaksanaan program berjalan lancar dan berkesan. Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BTMK) Negeri Melaka terlibat dalam aspek sistem sokongan dan infrastruktur digital, manakala Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) bertanggungjawab melaksanakan pemetaan topografi dari udara bagi mengenal pasti kedudukan sebenar premis dan sempadan kawasan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Melaka pula membekalkan data demografi serta peta blok penghitungan bagi kawasan yang terlibat.



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

PLANMalaysia@Melaka menyelaras dan mengesahkan sempadan kawasan mukim dan kampung yang terlibat dalam inisiatif ini. Pejabat daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) turut memberikan kerjasama dari sudut pentadbiran dan pengesahan tapak. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Melaka memainkan peranan dalam aspek capaian komunikasi dan liputan internet. Di samping itu, agensi utiliti seperti Pos Malaysia Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) turut terlibat dalam penyelarasan maklumat alamat, bekalan air, elektrik dan perkhidmatan telekomunikasi. Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri (JAPERUN) serta Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) bertindak sebagai penghubung antara komuniti dan agensi pelaksana. Gabungan kepakaran dan peranan pelbagai agensi ini membolehkan pembangunan infrastruktur digital di peringkat kampung dilaksanakan secara lebih sistematik, menyeluruh dan berimpak tinggi kepada masyarakat setempat.



1



Garis Masa Projek KAMPUNG DIGITAL

7 April 2023

Pelaksanaan Inisiatif Kampung Digital dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Mei 2023

Mesyuarat *Task Force* Penyelarasan Pendigitalan Kampung Dan Pelaksanaan Projek Perintis Kampung Digital Di Kampung Seri Jeram Dan Kampung Pulau (Dun Tanjung Bidara)

2023 - 2024

- Proses pencerapan dan pemetaan rumah, data demografi
- Memuktamadkan sempadan kampung
- Proses penomboran rumah dan QR code
- Cetakan pelekat Kampung Digital

2025

Edaran pelekat Kampung Digital



Proses Pelaksanaan Projek KAMPUNG DIGITAL



Petunjuk :

Warna Hitam : Nombor rumah

Warna Merah : Nombor Rizab

Prinsip Penomboran Rumah di Kampung

Penomboran rumah di kampung disusun secara sistematik bermula dari jalan utama yang menjadi laluan masuk ke kampung. Nombor rumah diberikan mengikut susunan lot persendirian, di mana lot yang terletak di sebelah kiri jalan utama akan menerima nombor ganjil, manakala lot di sebelah kanan akan menerima nombor genap. Bagi lot yang mempunyai lebih daripada satu rumah, nombor rumah pertama akan diikuti dengan tambahan abjad seperti A, B, dan seterusnya. Sekiranya sesebuah bangunan berada di atas lebih daripada satu lot, penomboran akan mengambil kira lot yang terbesar. Untuk rumah baru, penomboran akan merujuk kepada nombor rumah yang paling hampir dan sebarang pengesahan boleh dibuat melalui pejabat daerah.

Kaedah Penomboran Premis Kediaman Kampung Digital

Sebagai usaha memperkemas sistem alamat di kawasan luar bandar, kaedah penomboran premis kediaman kampung digital telah diperkenalkan dengan garis panduan yang sistematik dan teratur. Penomboran dimulakan dari jalan utama yang menjadi pintu masuk ke sempadan kampung, dengan arah rujukan dari selatan ke utara. Dalam pelaksanaan ini, nombor ganjil diberikan kepada premis yang terletak di sebelah kiri jalan utama, manakala nombor genap diberikan kepada premis di sebelah kanan. Setiap premis akan diberikan nombor berdasarkan lot tanah sedia ada, di mana satu lot bersamaan dengan satu nombor rumah. Sekiranya lot tersebut hanya mengandungi sebuah rumah, maka nombor rumah akan kekal tanpa sebarang tambahan. Namun, bagi lot yang menempatkan lebih daripada satu rumah, penomboran tambahan akan diberikan dalam bentuk abjad seperti 25A, 25B dan seterusnya.

Nombor rumah tanpa abjad menandakan rumah induk atau rumah pertama yang dibina di atas lot tersebut. Dalam kes bangunan yang merangkumi lebih daripada satu lot tanah, nombor rumah akan ditentukan berdasarkan lot terbesar yang terlibat.



Sekiranya berlaku perubahan seperti pecahan atau penggabungan lot, nombor rumah asal akan dikekalkan bagi menjamin kestabilan sistem alamat. Untuk rumah baharu yang dibina di atas lot baru hasil pecahan atau penggabungan, penomboran akan diselaraskan dengan premis berdekatan atau melalui rujukan rasmi kepada pejabat daerah.

Pelaksanaan kaedah ini diharap dapat menyumbang kepada kemudahan urusan pentadbiran, penghantaran, kecemasan serta pembangunan infrastruktur digital di kawasan kampung secara lebih efisien dan teratur.



Penglibatan DOSM Dalam Pelaksanaan KAMPUNG DIGITAL

- Penglibatan dalam proses memuktamadkan sempadan kampung peringkat daerah dengan kerjasama pejabat daerah & JPKK
- Perkongsian konsep Peta BP dalam mencerap rumah dan premis yang terlibat.
- Pengemaskinian output data GIS melibatkan 36 kampung (peta dan basemap) bagi DUN Bemban, daerah Jasin dengan menggunakan platform ArcGIS Pro melalui penyelarasan UPEN Melaka



Memperhebat Teknologi & Digital

Sekolah Rintis Kampung Digital

- Memudahkan pemetaan data pelajar
- Mengelakkan keciciran
- Memacu kecekapan sistem pendidikan

Kampung Digital 94% kampung mempunyai alamat baharu

Subsidi RM5 pertukaran kad pengenalan penduduk yang terima alamat baharu

46 FOKUS
 PETIKAN YAB KETUA MENTERI MELAKA
 SEMASA USUL TERIMA KASIH TYT
 PERSIDANGAN PERTAMA, PENGAL KEEMPAT,
 DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-15

Bigot Laksana, Tani, Berani Laksana, Jait

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)




Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

Impak Pelaksanaan KAMPUNG DIGITAL Dalam Gerak Kerja Penyenaraian Tempat Kediaman

- Hasil cerapan sempadan Blok Penghitungan dengan sempadan Kampung Digital, sebanyak 2,477 BP yang terlibat bagi pengemaskinian alamat terbaru berdasarkan projek Kampung Digital.
- Kerja-kerja pengemaskinian alamat dilaksanakan dengan cerapan *geocode* unit bangunan dalam *layer* Kampung Digital serta Blok Penghitungan.

DAERAH	POPULASI DAERAH	KAMPUNG DIGITAL			
		BIL. KAMPUNG	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH PENDUDUK
Alor Gajah	215,408	191	81,007	76,830	157,837
Jasin	151,553	143	69,222	61,854	131,076
Melaka Tengah	566,875	178	194,312	180,873	375,185

SEMPADAN BLOK PENGHITUNGAN & KAMPUNG DIGITAL NEGERI MELAKA



Sumber : DOSM Negeri Melaka

Perancangan Masa Hadapan

- Mengambil contoh model pelaksanaan Kampung Digital, diharap pada masa hadapan *geocode* setiap tempat kediaman dapat disediakan dalam memastikan ketepatan lokasi bagi memudahkan pelaksanaan kerja luar.

